

Headline	211 penghidap HIV di Sarawak		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	21 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	1,5	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	809 cm ²
Journalist	MICHEALSERING	AdValue	RM 3,019
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,057



211 penghidap HIV di Sarawak

LAPORAN DI MUKA 5



- Sejumlah 211 kes baharu jangkitan HIV pada Januari hingga November telah dilaporkan di negeri ini dengan kebanyakannya jangkitan melalui hubungan seksual.

- Majoriti kes adalah membabitkan bumiputera Sarawak sebanyak 65.88 peratus, diikuti Cina (17.53 peratus), Melayu (9.95 peratus) dan warga asing (6.64 peratus).

Headline	211 penghidap HIV di Sarawak		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	21 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	1,5	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	809 cm ²
Journalist	MICHEALSERING	AdValue	RM 3,019
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,057

211 kes HIV di Sarawak

MICHEAL SERING

KUCHING, Sabtu – Sejumlah 211 kes baharu jangkitan HIV pada Januari hingga November telah dilaporkan di negeri ini dengan kebanyakannya jangkitan melalui hubungan seksual.

Menteri Muda Kesihatan Awam, Datuk Dr Jerip Susil berkata majoriti kes adalah membabitkan bumiputera Sarawak sebanyak 65.88 peratus, diikuti Cina (17.53 peratus), Melayu (9.95 peratus) dan warga asing (6.64 peratus).

"Punca jangkitan paling utama adalah melalui hubungan seksual, iaitu sebanyak 198 kes (93.8 peratus) daripada kes baharu HIV yang dilaporkan, dipercayai sama ada hubungan seks antara lelaki dan perempuan atau antara lelaki dengan lelaki," katanya ketika merasmikan Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Negeri Sarawak 2014 dan

Pelancaran Projek "Kuching Bandaraya Sihat Menuju Sifar HIV Menjelang Tahun 2020, di Medan Niaga Satok, di sini, hari ini.

Dr Jerip berkata peringkat umur paling ramai dijangkiti HIV antara 20 hingga 49 tahun iaitu sebanyak 178 kes (84.4 peratus), diikuti lebih 50 tahun sebanyak 24 kes (11.37 peratus), antara 13 hingga 19 tahun sebanyak lapan kes (3.8 peratus) dan kanak-kanak berumur bawah 12 tahun hanya satu kes (0.47 peratus).

Ini menjadikan dari 1989 sehingga November 2014, sebanyak 1,924 kes jangkitan HIV telah dilaporkan di negeri ini dengan 1,210 kes AIDS dan 448 kes kematian HIV/AIDS serta anggaran jumlah orang hidup dengan HIV setakat ini adalah seramai 1,476 orang.

Beliau menyeru penghidap HIV di negeri ini tampil ke klinik kesihatan atau hospital bagi menerima rawatan Anti RetroViral (ARV) secara percuma dengan disasarkan sekurangnya 80 peratus golongan terbabit akan menerima rawatan rawatan menjelang tahun hadapan.

"Bagi memastikan kualiti rawatan di negeri ini dipertingkatkan, kerajaan telah menempatkan sebanyak tiga mesin CD4 boleh gerak di klinik kesihatan seluruh negeri sejak pertengahan tahun ini," katanya.

Bilangan mesin ini juga akan ditingkatkan tahun hadapan, supaya setiap orang yang hidup dengan HIV di negeri ini akan dapat menjalani ujian CD4 masing-masing setiap enam bulan ataupun sekurangnya sekali setahun.

Dr Jerip berkata bandaraya

Kuching juga telah terpilih bagi menjayakan projek Bandaraya ASEAN Menuju Sifar iaitu sifar jangkitan baharu HIV, diskriminasi sifar dan sifar kematian berkaitan AIDS menjelang 2015.

"Projek ini di bawah payung Bandaraya Sihat yang mana koordinator peringkat negeri ialah Unit Perancangan Negeri, Jabatan Ketua Menteri dengan agensi utamanya ialah Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) serta Jabatan Kesihatan Negeri selaku setiausaha peringkat negeri," katanya.

Projek bagi memastikan bandaraya ini bebas daripada HIV itu juga merupakan langkah pertama dijalankan kerajaan negeri dan selepas ini projek akan dikembangkan ke semua bandaraya dan bandar lain seluruh negeri.



JAGA KESIHATAN... Datuk Dr. Jerip Susil sedang mendengar penerangan mengenai cara dan sistem pemakanan yang sihat dan terbaik yang dipamerkan sempena sambutan Hari Aids Sedunia Peringkat Negeri Sarawak 2014, di Medan Niaga Satok, di Kuching, semalam. • Foto AWANG KUSHAIRY JUNAIDI